

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, July 17, 2017 2:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Silaturrahim Aidilfitri Seajar Dengan Kegemilangan UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

17 JULAI 2017 / 23 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

MAJLIS SILATURRAHIM AIDILFITRI SEJAJAR DENGAN KEGEMILANGAN UUM



UUM ONLINE: Kemeriahan Majlis Silaturrahim Aidilfitri yang menjadi acara tahunan UUM adalah sejajar dengan kegemilangan yang telah dilakar sepanjang tempoh 33 tahun penubuhannya.

Sambutan majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd Johari Baharum merangkap Ahli Parlimen Kubang Pasu dan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak bersama pasangan masing-masing di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah, pagi tadi.

Dalam ucapan Dato' Seri Mohd Johari berkata, majlis itu bukan sahaja memberi pendedahan dan pengalaman kepada staf dan pelajar antarabangsa khususnya dengan budaya dan hospitaliti rakyat di negara ini, malah sejajar dengan kejayaan yang dikecapi UUM termasuk penyenaian dalam QS World University Ranking (QSWUR) Top 50 Under 50 baru-baru ini.

Ujarnya, beliau telah melihat pelbagai kejayaan lain yang telah diperoleh universiti ini dan berbangga dengan kemajuan UUM hari ini yang telah mengubah landskap Changlun khasnya yang memberi banyak sumbangan secara tidak langsung kepada negeri Kedah.

"Naib Canselor di bawah kepimpinannya telah meletakkan UUM di tempat yang boleh dibanggakan bukan sahaja di negeri Kedah dan Malaysia, malah ke persada antarabangsa.

"Dalam kejayaan ini, saya juga berharap UUM dapat memainkan peranan sebagai gedung ilmu pengetahuan untuk memastikan warga universiti ini tidak terpengaruh dengan fahaman atau ideologi dari kumpulan IS atau militan Daesh yang boleh menggugat keamanan negara," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor berkata, majlis yang menjadi tradisi tahunan UUM itu mengeratkan hubungan silaturrahim dan membuka ruang kepada warga universiti yang mencecah 3,000 orang untuk bertemu muka serta bertegur sapa antara satu sama lain, tidak ketinggalan staf UMHSB yang sama-sama memeriahkan majlis.

"Pada masa sama, saya ingin berkongsi rasa bangga di atas pelbagai pencapaian dan pengiktirafan diterima UUM sepanjang usia penubuhannya lebih 30 tahun ini.

"Warga UUM harus bersyukur dengan pencapaian tersebut, seterusnya berusaha untuk merealisasikan sasaran UUM untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka dunia dan di rantau ini dengan menjadi *World Top 200, Asia Top 50, SEA Top 10, Malaysia Top 5* dan *OYAGSB World Top 100 (Business School)*," katanya.

Hadir sama ADUN Bukit Kayu Hitam, Dato' Ahmad Zaini Japar; Pengerusi LPU, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir; Ahli LPU dan JPU serta pegawai-pegawai kanan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.